



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERKUKUHKAN EKOSISTEM KESELAMATAN SIBER BAGI MENANGANI ANCAMAN DAN SERANGAN SIBER YANG SEMAKIN KOMPLEKS

Kami di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menyokong kenyataan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin sewaktu Perasmian Cyber Defence, Cyber Security & Emerging Technology Event for the Global Community 2021 (CYDES 2021) pada 28 Jun 2021 berhubung peningkatan jumlah ancaman dan jenayah siber di dalam negara pada masa kini. KKMM juga menyahut saranan Perdana Menteri agar keselamatan siber menjadi bidang tumpuan utama kerajaan yang harus diberi perhatian wajar oleh semua pihak bagi membanteras ancaman dan jenayah siber.

Di era teknologi digital hari ini, keselamatan siber menjadi lebih berisiko dan rumit kerana semakin berkembang teknologi maka semakin kompleks dan sofistikated ancaman serta serangan siber yang berlaku. Penjenayah siber juga lebih aktif, berani dan semakin canggih malah mereka menggunakan kaedah baharu, teknik serta taktik yang lebih berkesan untuk melancarkan sesuatu ancaman dan serangan siber sehingga ianya berupaya memberi impak negatif terhadap pembangunan negara serta menggugat kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Oleh yang demikian, semua pihak harus bekerjasama bagi mengukuhkan ekosistem keselamatan siber negara seperti memperkemaskan tadbir urus berlandaskan piawaian serta amalan terbaik keselamatan siber, meningkatkan kemahiran dan kepakaran, berkongsi maklumat bagi merangka strategi dan prosedur keselamatan siber yang lebih efektif.

Dalam hal ini, KKMM bersama-sama CyberSecurity Malaysia sentiasa bertindak secara proaktif dan komited bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan ruang siber negara. Dengan memiliki kemampuan serta keupayaan daripada segi kepakaran tenaga kerja dan disokong oleh kelengkapan prasarana makmal, CyberSecurity Malaysia akan terus menawarkan perkhidmatan, menyediakan sokongan dan bantuan teknikal serta program latihan profesional kepada semua pihak bagi meningkatkan ekosistem keselamatan siber negara.

Sementara itu, melalui program SiberKASA, sebanyak 35 produk dan perkhidmatan keselamatan siber yang dihasilkan oleh CyberSecurity Malaysia meliputi Perkhidmatan Responsif Keselamatan Siber; Perkhidmatan Proaktif Keselamatan Siber; Jangkauan dan Pembangunan Kapasiti; Kajian Strategik dan Penglibatan, dan Pembangunan Industri dan Penyelidikan telah diklasifikasikan di bawah tiga komponen iaitu manusia, proses dan teknologi sebagai pendekatan holistik bagi tujuan membangun, memperkasa, melestari dan mengukuhkan prasarana serta ekosistem keselamatan siber di Malaysia.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

28 JUN 2021